

NAKASONE-DEWAN R'R'R'

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 9 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK MENGHALANG LANGKAH-LANGKAH MASYARAKAT PERNIAGAAN JEPUN DI SINI UNTUK MENUBUHKAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MEREKA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB CADANGAN YANG DIBUAT OLEH PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK YASUHIRO NAKASONE YANG SEDANG MELAWAT NEGARA DALAM RUNDINGAN MEREKA DI PEJABAT DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

JURUCAKAP ROMBONGAN JEPUN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA ENCIK NAKASONE MENYATAKAN HARAPAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA AKAN MEMBERI PERTIMBANGAN MENGGALAKKAN TEHADAP CADANGANNYA BAGI FAEDAH KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

KATANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MEMBOLEHKAN INDUSTRI JEPUN BERGERAK DENGAN BAIK DI NEGARA INI, ADALAH PENTING YANG MASYARAKAT INDUSTRI MEMBERI PANDANGAN MEREKA BAHAWA MEREKA TIDAK BERGERAK SECARA EKSKLUSIF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH MISALNYA DALAM BIDANG PEMBINAAN SEPERTI PROJEK-PROJEK SIAPGUNA, ADALAH DIHARAPKAN BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT SEUMPAMA ITU AKAN BERKERJASAMA DENGAN FIRMA-FIRMA BUMIPUTERA. -- LAGI 1818/00

ZCZC B648

NAKASONE-DEWAN 2 KUALA LUMPUR

JURUCAKAP ITU MENAMBAH ENCIK NAKASONE KETIKA MENERANGKAN PERLUNYA DITUBUHKAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN ITU MENEKANKAN PENUBUHANNYA AKAN MEMBOLEHKAN MASYARAKAT PERNIAGAAN JEPUN UNTUK MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

DENGAN ITU DEWAN TERSEBUT AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM NEGARA INI, TAMBAH ENCIK NAKASONE.

JURUCAKAP BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENERIMA UNDANGAN ENCIK NAKASONE BAGI MALAYSIA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PAMERAN SAINTIFIK YANG AKAN DIADAKAN DI TSUKUBA, JEPUN PADA TAHUN 1985.

-- BERNAMA 1820/00